



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2016/07/63 (HQ)

### TRANSAKSI ONLINE UNTUK 8.6 JUTA PELANGGAN TNB

Pelanggan Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan boleh membuat pelbagai transaksi dan mendapat akses kepada maklumat yang berkaitan secara online di sebuah *one-stop* portal, [www.mytnb.com.my](http://www.mytnb.com.my) yang akan diperkenalkan pada hujung bulan ini.

Antara urusan yang boleh dibuat di [www.mytnb.com.my](http://www.mytnb.com.my) adalah:

1. Permohonan bekalan
2. Pengurusan akaun seperti pertukaran nama (*Change of Tenancy*) dan penutupan akaun
3. Pemulangan wang cagaran dalam tempoh yang lebih singkat dan terus didebitkan ke akaun bank pelanggan
4. Pembayaran bil
5. Pelbagai transaksi lain yang akan diperkenalkan kemudian.

Pelanggan juga boleh mendapat akses kepada:

1. Maklumat dan trend penggunaan elektrik mereka
2. Carian ke portal-portal lain yang berkaitan industri elektrik
3. Pelbagai informasi lain yang akan diperkenalkan secara berperingkat.

Portal tersebut menggunakan satu sistem bersepada yang turut membolehkan pengguna membuat urusan 'tanpa sempadan' untuk permohonan bekalan, COT dan penutupan akaun di mana-mana Kedai Tenaga di seluruh semenanjung.

Semasa tempoh peralihan sistem (sepanjang bulan Julai, 2016) gangguan kecil (minor hiccups) mungkin terjadi untuk beberapa transaksi. Bagaimanapun, warga kerja kami sedia membantu dan akan berusaha sebaik boleh bagi mengurangkan gangguan tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my) atau menghubungi pegawai khidmat pelanggan kami di talian 15454, 1300885454 atau di Kedai Tenaga yang berhampiran.

Kerjasama pengguna dalam tempoh peralihan ini amat kami hargai. Terima kasih & Salam Aidifitri.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Julai 2016**

*Untuk Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*